

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING**

**SOALAN : NO. 292**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keputusan kedudukan SETARA 2015 untuk semua universiti di Malaysia dan mengapa kedudukan SETARA untuk tahun 2015 dan sebelumnya tidak disenaraikan dalam laman web MQA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memastikan peningkatan kualiti autonomi dan prestasi pendidikan tinggi di Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited untuk melaksanakan Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) setiap 2 tahun ke atas semua universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta dan kolej universiti.

SETARA merupakan sistem penarafan yang dibangunkan untuk menilai kualiti dan prestasi semua universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta dan kolej universiti dengan mengambil kira perkembangan pendidikan tinggi masa kini seperti yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 [(PPPM(PT) 2015-2025)].

SETARA untuk tahun 2015 tidak dilaksanakan kerana instrument berkenaan perlu dikemaskini dengan menambah beberapa indikator

penting selaras dengan PPPM(PT) 2015-2025 yang dikeluarkan pada tahun 2015 dan juga sistem ranking terkemuka di peringkat antarabangsa seperti QS World University Ranking dan Times Higher Education (THEs).

KPT telah melaksanakan proses pengemaskinian instrumen berkenaan pada Februari 2017 dan telah menjalankan kajian rintis ke atas instrumen berkenaan. Pelaksanaan sepenuhnya sedang berjalan dan keputusan akan dikeluarkan pada Oktober 2017.

**SOALAN ( 293 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING  
[SERDANG]**

**SOALAN :**

**YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai jumlah peserta dalam program SL1M dari tahun 2011 ke 2016 dan jumlah peserta yang berjaya mendapatkan penempatan pekerjaan melalui SL1M dari tahun 2011 ke 2016.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dilaksanakan bagi membantu para graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan selepas bergraduat. Program ini dilaksanakan secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh industri dengan membuka peluang kepada para graduan tempatan untuk mendapatkan latihan pekerjaan di samping menimba pengalaman kerja sebenar yang cukup berharga dalam memberi nilai tambah kepada graduan.

Melalui pelaksanaan Program SL1M, graduan yang terpilih akan ditaja untuk menjalani 'Soft Skills Training' selama 2 bulan dan 'On Job Training' selama 10 bulan di syarikat yang mengambil bahagian dan graduan didedahkan dengan pengalaman kerja sebenar akan meningkatkan kemahiran dan "marketability" mereka seterusnya memberi nilai tambah dalam diri para graduan SL1M dalam mendapatkan pekerjaan sama ada di syarikat yang melatih atau di syarikat lain.

Setakat 30 Jun 2017, seramai 126,442 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam memperkasakan kebolehpasaran diri melalui latihan SL1M di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta melalui program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara.

Semenjak dilancarkan pada 1 Jun 2011 sehingga 31 Disember 2016, seramai 105,004 graduan telah dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam memantapkan tahap kebolehpasaran mereka melalui latihan SL1M di syarikat dan program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 42,454 graduan berjaya dibantu mendapat pekerjaan dengan mendapat latihan berstruktur daripada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam Program SL1M. Manakala 62,550 graduan berjaya dibantu melalui penganjuran karnival kerjaya SL1M atau program "search and assist" SL1M yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Bagi tahun 2017 pula, setakat 30 Jun 2017, seramai 21,438 pelatih SL1M sedang menjalani latihan di GLCs dan syarikat swasta yang menyertai Program SL1M. Daripada jumlah tersebut, seramai 11,354

graduan telah berjaya dibantu melalui pelaksanaan karnival kerjaya SL1M.

Antara sektor yang banyak membantu graduan mendapatkan pekerjaan dalam Program SL1M ialah sektor perkhidmatan dengan peratusan graduan sebanyak 40% diikuti dengan sektor kewangan dan pelaburan sebanyak 16% serta sektor pengangkutan dan logistik sebanyak 11%.

SL1M berharap lebih banyak syarikat akan tampil ke hadapan dan menyertai Program SL1M agar dapat membuka lebih banyak peluang latihan dan pekerjaan untuk membantu lebih ramai graduan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

SOALAN NO: 294

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]  
TARIKH :  
SOALAN : 294**

**YB. Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai jumlah '*houseman*' yang ditempatkan di hospital awam dan jumlah '*houseman*' yang lulus program latihan dari tahun 2011 ke 2016 mengikut kelayakan (IPTA, IPTS dan luar negara).

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pada masa ini terdapat seramai 9,502 Pegawai Perubatan Siswazah yang sedang berkhidmat di hospital awam iaitu 9,051 orang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan 451 orang di Hospital Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi.

## Jumlah Pengambilan Pegawai Perubatan Gred UD41 Mengikut Kelayakan

Tahun	Bilangan Pegawai Perubatan Siswazah yang ditempatkan di Hospital Latihan Siswazah			
	IPTA	IPTS	Luar Negara	Jumlah
2011	1,116	848	1,600	3,564
2012	1,189	991	1,509	3,689
2013	1,289	1,299	2,403	4,991
2014	1,245	1,125	1,490	3,860
2015	1,211	1,138	1,791	4,140
2016	550	1,556	2,254	4,360

Hampir kesemua Pegawai Perubatan Siswazah lulus program latihan siswazah sama ada dalam tempoh dua tahun atau melebihi dua tahun.

Bagi tempoh 2011 hingga 2017, bilangan Pegawai Perubatan Siswazah yang tidak lulus program latihan siswazah adalah seramai 839 orang atas beberapa sebab seperti meletak jawatan, ditamatkan perkhidmatan atas sebab kesalahan tatatertib, masalah kesihatan dan masalah kompetensi.

SOALAN NO: 295

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]**  
**RUJUKAN : BL9 [PR-1352-T00870]**  
**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan status terkini projek River of Life (RoL) termasuk peratusan penghabisan projek 'landscaping' di kawasan Masjid Jamek dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Projek *EPP5: River of Life (RoL)* di bawah *NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* telah bermula dilaksanakan secara berperingkat bermula dari Tahun 2011 yang terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Pembersihan Sungai, Pengindahan Sungai dan Pembangunan Tanah.

Secara keseluruhannya, status pelaksanaan Projek *RoL* sehingga 15 Julai 2017, telah mencatat kemajuan sebanyak **71.0%**.

Projek *RoL* melibatkan **83 pakej** di mana sebanyak **57 pakej telah siap** dilaksanakan manakala **26 pakej sedang dalam pelaksanaan** dan dijangka siap secara berperingkat sehingga Tahun 2020.

Siling keseluruhan projek *RoL* adalah **RM 4.2 bilion** dan penyaluran peruntukan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi pelaksanaan projek *RoL* dari tahun 2012 hingga 15 Julai 2017 adalah **RM2.43 bilion**. Perbelanjaan sehingga kini adalah sebanyak **RM 2.27 bilion** dan perincian mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
Perincian Peruntukan dan Perbelanjaan untuk Projek RoL Mengikut Tahun  
dari Tahun 2012 hingga Tahun 2017

Tahun	Peruntukan Projek (RM)	Perbelanjaan Projek (RM)
2012	526,292,371.41	517,959,141.12
2013	426,526,158.00	424,933,939.00
2014	303,661,300.00	303,661,300.00
2015	257,158,000.00	257,158,000.00
2016	498,140,800.00	497,980,256.57
2017 (sehingga 15 Julai 2017)	420,434,600.00	267,677,669.87
<b>Jumlah</b>	<b>2,432,213,229.41</b>	<b>2,269,370,306.56</b>

Bagi Komponen Pengindahan Sungai Fasa 1: Presint 7 Projek RoL di kawasan sepanjang sungai di sekitar Masjid Jamek sehingga ke Daya Bumi, kawasan ini telah dibuka secara berperingkat mulai 15 April 2017 dan dijangkakan siap sepenuhnya pada tahun ini. Setakat 15 Julai 2017, peratus kemajuan kerja di tapak ialah 97.7% dan perbelanjaan pelaksanaan Komponen Pengindahan Sungai Fasa 1: Presint 7 Projek RoL adalah **RM 74.07 juta**.

Pelaksanaan Projek RoL melibatkan beberapa pemaju yang dilantik secara **tender terbuka** yang mempunyai *track record* baik dalam bidang kejuruteraan awam, air dan mekanikal.

Pemaju yang baru dilantik untuk pelaksanaan pakej – pakej di bawah Komponen Pengindahan Sungai Fasa 2 : Projek RoL adalah Ekoriver Construction Sdn. Bhd. dan Azza Mewah Sdn. Bhd..

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan dengan melaksanakan pemantauan secara berkala dan menetapkan *key performance indicator* (KPI) sebagai sasaran yang perlu dicapai oleh Agensi Pelaksana.

NO. SOALAN: 296

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan berapakah jumlah subsidi yang dibelanjakan setakat ini bagi gas LPG dan apakah strategi penguasaan yang dilakukan bagi membanteras gejala ketirisan yang berleluasa berlaku terutamanya di Pulau Sebatik.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Jumlah subsidi bagi LPG pada tahun 2016 adalah berjumlah lebih RM 1.04 bilion.

KPDNKK telah melaksanakan strategi tertentu serta tindakan-tindakan penguatkuasaan untuk membanteras penyelewengan dan ketirisan subsidi bahan LPG seperti:

- i) Melancarkan operasi besar-besaran di seluruh negara di bawah Ops Gasak II dan bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2017 yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
- ii) berkerjasama dengan *National Revenue Recovery Enforcement* (NRRET) yang diterajui oleh Jabatan Peguam Negara;
- iii) berkerjasama dengan ESSCOM melaksanakan kawalan penyelewengan dan cubaan menyeludup terutamanya di kawasan perairan ESSZONE; dan
- iv) menggantung atau membatalkan mana-mana pemegang lesen yang terlibat dengan aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi.

Hasil tindakan yang dilakukan bermula 1 Januari hingga 11 Julai 2017 sebanyak 39 kes telah dihasil di Tawau termasuk Pulau Sebatik.